

NGO bantah peraturan MIROS

Kuala Lumpur: Pertubuhan bu-
kan kerajaan (NGO) meminta pi-
hak berkuasa tidak membeban-
kan pengguna dengan menetap-
kan pelbagai syarat tambahan ter-
utama berkaitan piawaian yang
diterima pakai bagi penggunaan
kerusi keselamatan kanak-kanak
(CRS).

Selepas pengguna diwajibkan
memasang CRS mulai 1 Januari
ini, Institut Penyelidikan Kese-
lamatan Jalan Raya Malaysia
(MIROS) dilapor mensyaratkan
hanya CRS yang mempunyai pi-
awaian keselamatan EN ECE
R44/04 dan R129 dibenarkan di-
gunakan di Malaysia.

Keadaan menimbulkan persoal-
an mengenai 'nasib' ibu bapa
yang sudah membeli CRS tanpa
mengetahui piawaian keselamat-
an yang ditetapkan Peraturan
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Ber-
satu (UNR).

Bagi Pengarah Operasi Persa-
tuan Keselamatan Kanak-Kanak

Malaysia (CPSM), Jchanet Tan,
MIROS tidak seharusnya men-
ambah beban pengguna dengan
'peraturan tambahan' berhubung
CRS.

MIROS sepatutnya membenar-
kan semua CRS yang mengikut
piawaian antarabangsa diguna-
pakai dan tidak hanya memfo-
kuskan kepada penetapan UNR.

"Tidak adil bagi ibu bapa yang
sudah membeli CRS yang tidak
mengikut piawaian UNR sedang-
kan ia mematuhi piawaian an-
tarabangsa negara lain.

"Sepatutnya kuatkuasakan du-
lu. Sekurang-kurangnya peruncit
pun tidak 'sakit jiwa' memikir-
kan apa yang perlu dilakukan
dengan stok CRS yang sudah me-
reka import terlebih awal," ka-
tanya kepada *BH*, di sini.

Sebelum ini, Pegawai Penye-
lidik MIROS, Nurulhana Borhan,
dilaporkan piawaian keselamat-
an EN ECE R44/04 dan R129 bagi
CRS di Malaysia ditetapkan UNR



Jchanet Tan

sebagai langkah keselamatan ba-
gi kanak-kanak dengan keting-
gian kurang 135 sentimeter.

Jchanet berkata, pihaknya tu-
rut mempersoalkan peraturan
tambahan MIROS yang mewajib-
kan peruncit memohon kod QR
untuk diletakkan pada CRS.

Pelepasan Kelulusan Jenis
Komponen (CTA) oleh Jabatan
Pengangkutan Jalan (JPJ) sepa-
tutnya sudah cukup sebagai
bukti CRS yang diimport sela-

mat digunakan.

"Kita sudah ada CTA, kenapa
kita perlu ada lagi kod QR? Se-
patutnya jika peruncit sudah
mendapatkan kelulusan CTA, ia
sudah cukup dan tidak perlu lagi
merumitkan keadaan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Kan-
nan Gabungan Persatuan Peng-
guna Malaysia (FOMCA), Nur
Asyikin Aminuddin, berkata gar-
ris panduan dikeluarkan MIROS
mengenai penggunaan CRS tidak
jelas dan boleh mengelirukan
pengguna.

Penggunaan kod QR misalnya,
bukan sahaja memberi 'kerja
tambahan' bagi peruncit yang
terpaksa memohon dua kelulu-
san namun juga kepada ibu bapa
yang perlu mencari CRS mengi-
kut ketetapan MIROS.

Pihaknya menyokong pelaksa-
naan undang-undang baharu itu,
namun pihak kerajaan harus
menjadi pemudah cara bagi me-
lancarkan proses peraturan itu.

HARI

ISNIN

TARIKH

30/12/2019

M/SURAT :

3